

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

**Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 1996/97**

Oktober/November 1996

BKT 471/4 - Protozoologi Perubatan & Veterinar

Masa : [3 jam]

Jawab **LIMA** daripada **ENAM** soalan.

Tiap-tiap soalan bernilai 20 markah.

96/1

(BKT 471/4)

1. Bincangkan perubahan-perubahan patologi yang berlaku dalam manusia atau haiwan ternakan apabila dijangkiti oleh penyakit:-
 - a) toksoplasmosis
 - b) leishmaniasis
 - c) theileriasis, dan
 - d) babesiosis

(20 Markah)

2. Tuliskan nota-nota pendek mengenai:-
 - a) antigen permukaan tripanosom
 - b) sarkosista
 - c) vaksinasi dalam haiwan ternakan
 - d) epimastigot

(20 Markah)

3. Bincangkan langkah-langkah kawalan bagi jangkitan penyakit-penyakit berikut:-
 - a) amebiasis
 - b) tripanosomiasis Salivaria

(20 Markah)

4. Banding dan bezakan penyakit-penyakit malaria dan tripanosomiasis Stercoraria dengan tekanan pada aspek-aspek berikut:-
 - a) kitar hidup parasit, dan
 - b) patologi penyakit

(20 Markah)

.../3-

(BKT 471/4)

5. Anda telah dilantik sebagai Ahli Parasitologi sebuah kampung. Dari pengetahuan anda tentang penyakit bawaan sengkent, cadangkan langkah-langkah kawalan yang boleh dilakukan oleh orang kampung untuk mengawal penyakit tersebut dalam ternakan mereka. Terangkan bagaimana langkah-langkah tersebut boleh mengawal jangkitan.

(20 Markah)

6. Senaraikan kesemua spesies-spesies protozoa yang anda ketahui terdapat dalam darah manusia dan haiwan. Dengan menggunakan gambarajah, bincangkan ciri-ciri pengecaman spesies-spesies tersebut.

(20 Markah)

-ooo0ooo-